



## **SIARAN MEDIA**

**Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam**

### **LANGKAH-LANGKAH INTERIM KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI DALAM MEMBANTU SEKTOR SWASTA YANG BERKENAAN TERKESAN DARI COVID-19**

Tarikh: 21 Mac 2020

1. Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan ini sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telahpun mengurniakan titah perkenan bagi langkah-langkah interim untuk mendokong beberapa sektor swasta tertentu dalam menangani cabaran-cabaran hasil dari menularnya COVID-19 di negara ini.
2. Sebagaimana yang sudah kitani sedia maklum, bahawa disebabkan oleh COVID-19 yang melanda negara pada masa ini, sebilangan peniaga telah mengalami kesan terhadap aliran tunai masing-masing seperti pembayaran gaji, caruman Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Skim Pencen Caruman Tambahan (SCP), sewa bangunan dan sebagainya.
3. Dalam hubungan ini, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MoFE) telah membuat perundingan-perundingan dengan pihak-pihak yang berkepentingan dan bersetuju untuk melaksanakan beberapa langkah interim dengan memberikan keutamaan kepada tiga objektif seperti berikut;



## **SIARAN MEDIA**

### **Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

#### **Negara Brunei Darussalam**

- 3.1 Objektif pertama adalah untuk membantu cash flow perniagaan PMKS dan untuk mengekalkan kedayatahanan operasi mereka;
  - 3.2 Objektif kedua adalah untuk memastikan jaminan pekerjaan (job security) kepada anak-anak tempatan; dan
  - 3.3 Objektif ketiga adalah untuk melindungi kebajikan penduduk di NBD.
4. **Langkah-langkah interim yang dimaksudkan adalah seperti berikut dan bermula berkuatkuasa pada 1hb April 2020 dan akan berjalan selama enam (6) bulan;**
5. **PERTAMA; Penangguhan Pembayaran (atau deferment) ke atas Caruman TAP (5%) dan SCP (3.5%) bagi Pekerja-Pekerja Tempatan yang Berpendapatan \$1,500 sebulan dan kebawah di semua sektor didalam kategori Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) iaitu dengan jumlah pekerja kurang dari 100 orang.** Caruman oleh syarikat-syarikat akan dibayar terlebih dahulu oleh pihak Kerajaan untuk memastikan bayaran dividen tahunan kepada pekerja- pekerja di sektor swasta tidak akan terjejas. Dalam pada itu, syarikat- syarikat adalah disarankan untuk menghadapkan permohonan kepada Tabung Amanah Pekerja (TAP) melalui email [payments@tap.com.bn](mailto:payments@tap.com.bn) bagi mendapatkan kemudahan yang dimaksudkan. Syarikat-Syarikat yang telah dibenarkan untuk membuat penangguhan pembayaran TAP dan SCP adalah dikehendaki membayar balik kepada pihak Kerajaan dalam tempoh satu tahun selepas tempoh enam (6) bulan berakhir;



## **SIARAN MEDIA**

### **Kementerian Kewangan dan Ekonomi Negara Brunei Darussalam**

6. **KEDUA; Kerajaan akan Membiayai Caruman SCP kepada Golongan yang Bekerja Sendiri dalam tempoh yang dinyatakan tadi.** Langkah ini adalah untuk membantu mereka yang bekerja sendiri yang terkesan dari wabak ini bagi memastikan mereka akan mempunyai perlindungan Survivorship Fund yang berterusan;
  
7. **KETIGA; Memberikan 30% diskaun keatas kadar sewa bangunan kerajaan kepada Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) mengikut sektor sasaran iaitu seperti sektor Pelancongan, Hospitality (Termasuk hotel dan Lodging house yang berdaftar), Restoran dan Kafe, Pengangkutan Penumpang Udara dan Air (Ayer).** Ini adalah untuk membantu mengurangkan kos operasi kepada pengusaha-pengusaha yang dimaksudkan;
  
8. **KEEMPAT; Memberikan tax discount sebanyak 50% keatas cukai pendapatan korporat bagi tahun taksiran 2020 kepada sektor sasaran seperti sektor Pelancongan, Hospitality (Termasuk hotel dan Lodging house yang berdaftar), Restoran dan Kafe, Pengangkutan Penumpang Udara dan Air (Ayer);** Ini adalah untuk membantu para peniaga yang sedang mengalami penurunan pendapatan semasa menularnya wabak ini. Dalam pada itu, untuk mendapatkan kemudahan ini, syarikat-syarikat adalah dikehendaki membuat filing mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan oleh Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.



## **SIARAN MEDIA**

### **Kementerian Kewangan dan Ekonomi Negara Brunei Darussalam**

9. **KELIMA; Memberikan 15% diskaun untuk bil-bil air dan elektrik keatas sektor sasaran sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi [termasuk sektor Pelancongan, Hospitality (Termasuk hotel dan Lodging house yang berdaftar), Restoran dan Kafe, Pengangkutan Penumpang Udara dan Air (Ayer)];** Langkah ini adalah sekali lagi untuk mengurangkan bebanan terhadap kos operasi syarikat terhadap sektor yang dimaksudkan.
10. **KEENAM; Bantuan untuk Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) menyertai e-platforms bagi pepadanan perniagaan (business matching) yang lebih berkesan.** Darussalam Enterprise (DARe) akan bekerjasama dengan beberapa service provider untuk membantu peniaga-peniaga memasarkan barangan masing-masing secara atas talian (online). Langkah ini juga adalah bertujuan untuk membantu dan memberi peluang serta insentif kepada peniaga-peniaga khususnya PMKS untuk menggunakan e-platform dalam menjalankan dan mengekalkan perniagaan mereka dengan lebih berdayatahan dan berdayasaing;
11. **KETUJUH; Pelanjutan Tempoh Kontrak Perantis iReady bagi tempoh 6 bulan.** Manpower Planning and Employment Council (MPEC) akan melanjutkan tempoh kontrak pekerja iReady bagi tempoh sehingga enam bulan khususnya bagi peserta yang mana kontraknya akan tamat sebelum bulan September 2020 di sektor awam dan swasta.



## **SIARAN MEDIA**

### **Kementerian Kewangan dan Ekonomi Negara Brunei Darussalam**

12. **KELAPAN; Pengecualian sementara duti kastam dan duti eksais bagi produk-produk Personal Hygeine (kebersihan diri).** Inisiatif ini dilaksanakan adalah untuk membantu para peniaga dan pembeli dengan meningkatnya permintaan yang berkaitan dengan produk kesihatan khususnya dalam menangani COVID-19 seperti sarung tangan getah, sabun pencuci tangan dan sebagainya.
13. Dalam pada itu, Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik akan sentiasa membuat pemantauan harga barangan seperti beras, gula dan barangan keperluan lain seperti sanitiser tangan dan Surgical Face Mask sebagaimana yang terkandung didalam Consumer Protection Order (2011) dan Price Control Act (Chapter 142).
14. Dalam mendokong pemberian pendidikan secara virtual untuk memastikan adanya kesinambungan pembelajaran, Syarikat Unified National Networks Sdn Bhd (UNN) serta syarikat-syarikat telekomunikasi yang dipunyai oleh Syarikat Darussalam Assets Sdn Bhd sedang bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi swasta bagi memastikan penyampaian pendidikan kepada pelajar-pelajar tidak terganggu. Inisiatif ini termasuk menyediakan bandwidth, data dan pada masa yang terdekat ini, platform pelajaran online kepada pelajar-pelajar dan guru-guru di Negara Brunei Darussalam.



**SIARAN MEDIA**  
**Kementerian Kewangan dan Ekonomi**  
**Negara Brunei Darussalam**

Sebagai contoh, inisiatif-inisiatif yang lain adalah seperti berikut:

- a) Menaiktaraf liputan dan connectivity perkhidmatan telekomunikasi di hotel-hotel dan pusat-pusat kuarantin di Negara Brunei Darussalam
  - b) Tajaan daripada syarikat-syarikat telekomunikasi dari segi telefon bimbit kepada Kementerian Kesihatan untuk tujuan pengesanan kenalan (contact tracing); dan
  - c) Syarikat Huawei telah menaja peralatan untuk memudahkan komunikasi seperti Video Conferencing diantara Kementerian Kesihatan dan Pusat Pengasingan Kebangsaan di Daerah Tutong.
15. Akhir sekali, berikutan dengan tindakan interim yang dilaksanakan oleh Kerajaan, saya menyeru dan mengingatkan kepada peniaga-peniaga untuk tidak memberhentikan pekerja khususnya anak-anak tempatan.

Sekian Terima Kasih